

TUMPUAN BBN KE KAWASAN BATU LAUT

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia

SEPANG, Selasa. — Barisan Nasional khususnya UMNO sedang memberikan perhatian khas kepada kawasan Dewan Undangan Negeri Batu Laut untuk meram-

pasnya kembali dalam pilihanraya umum akan datang.

Kawasan tersebut kini diwakili oleh anggota bebas, Encik Abdul Jabar Mohamad Yusof, bekas guru yang menjadi wakil rakyat sejak pilihanraya tahun 1974.

Untuk menjayakan hasrat ini, UMNO telahpun mengatur strateginya untuk menebus kembali kerusi tersebut dan mula menggiatkan usahanya sejak tahun lalu.

Sumber-sumber UMNO berkata hari ini, Menteri Besar Datuk Haji Hormat Rafei yang juga Ketua Perhubungan UMNO Negeri sendiri mengetuai gerakan risik dan gempur di kawasan tersebut.

Dari UMNO peringkat pusat pula, Timbalan Menteri Penerangan Datuk Haji Embong Yahya yang juga Ketua Penerangan UMNO adalah antara tokoh-tokoh yang ditugaskan merisik dan mengkaji kedudukan dan perkembangan di kawasan tersebut.

Datuk Haji Embong sudah dua kali melawat kawasan tersebut dalam masa empat bulan yang lalu dan dalam kunjungannya yang kedua baru-baru ini menyatakan keyakinannya angin perubahan akan datang ke Batu Laut dalam pilihanraya umum nanti dan "UMNO Insyallah akan mencapai kemenangan."

Beliau melahirkan keyakinan ini berdasarkan apa yang disifatkan "keinginan para penduduk di kawasan itu untuk menikmati segala kemudahan pembangunan yang sewajarnya seperti yang terdapat di kawasan-kawasan lain."

Kenyataan Datuk Haji Embong ini membayangkan kemungkinan bahawa UMNO akan mencanangkan strategi pembangunan untuk merebut kawasan tersebut.

Teliti

Langkah pertama ke arah ini telahpun dilaksanakan dengan pembukaan sebuah Pejabat Perkhidmatan Wakil Rakyat di Dewan Orang ramai Tanjung Sepat Jumaat lalu.

Pejabat perkhidmatan itu yang dibuka oleh Timbalan Menteri Pelajaran, Datuk Haji Suhaimi Kamaruddin yang juga Ahli Parlimen Sepang (yang merangkumi kawasan pilihanraya negeri Batu Laut, Dengkil dan Sungai Pelek) adalah untuk mengendalikan

masalah-masalah yang dihadapi oleh para penduduk Batu Laut.

Untuk menawan kembali kerusi tersebut, satu faktor yang tidak boleh diabaikan oleh UMNO ialah memilih dan meletakkan seorang calon yang bukan saja berkualiti dan disegani tetapi memiliki ketokohan dan keperibadian yang setanding dengan Encik Abdul Jabar.

Encik Abdul Jabar diketahui umum sebagai seorang wakil rakyat sepenuh masa yang mempunyai rekod peribadi yang terpuji dan diterima oleh hampir keseluruhan penduduk di kawasanya.

Oleh itu, UMNO perlu penuh teliti apabila memilih dan meletakkan calonnya bertanding di kawasan tersebut.

Di kawasan Batu Laut, UMNO mempunyai 11 buah cawangan dengan ahli 1,700 orang. Kawasan itu tidak terdapat sebuah pun cawangan parti pembangkang baik PAS, Parti Sosialis Rakyat Malaysia (PSRM) apatah lagi DAP.

Ramai tokoh lama dipilih semula

IPOH, Selasa. — Ramai tokoh lama dipilih semula mengetuai cawangan-cawangan UMNO Bahagian Hilir Perak dalam mesyuarat agung masing-masing yang sedang rancak berjalan.

Anggota EXCO Kerajaan Encik Ramly Ngah Talib yang juga Ketua Bahagian Hilir Perak, berkata setakat ini 40 daripada 103 cawangan selesai mengadakan mesyuarat mereka.

Beliau sendiri dijangka akan menang tanpa bertanding mengetuai cawangan Kampung Teluk yang akan bermesyuarat bulan depan.

Encik Ramly yang

juga Timbalan Ketua Perhubungan UMNO Perak menambah, Bahagiannya berjaya menubuhkan dua buah cawangan baru.

Cawangan-cawangan itu ialah Bukit Chawi yang mana mesyuarat agungnya akan dirasmikan oleh Setiausaha Politik Perdana Menteri, Megat Junid Ayub pada 27 Februari ini dan Kampung Kelapa yang selesai bermesyuarat baru-baru ini.

Encik Ramly berkata, beliau amat puashati suasana mesyuarat cawangan-cawangannya dijalankan tanpa timbul sebarang kekecohan.